

## *Teks ucapan*

*Yg Bhg Professor Datuk Kamarulzaman Hj Ampon*

*Naib Canselor*

*Universiti Malaysia Sabah*

Assalamualaikum w.b.t dan salam perpaduan.

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Bolkiah Hj Ismail kerana sudi bersama kita di majlis Malam Kemuncak Pesta Kaamatan Peringkat IPTA/IPTS Sabah, Kali Ke-7 2008.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama untuk meraikan Malam Kemuncak Pesta Kaamatan Peringkat IPTA/ITPS Sabah, Kali Ke-7 2008. Tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa pelaksana di atas kejayaan kalian.

Walaupun Pesta Kaamatan 2008 telah berlalu, namun bukanlah menjadi penghalang kepada exco kebudayaan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2007/2008 untuk menganjurkan Pesta Kaamatan Peringkat IPTA/IPTS yang merupakan satu lagi aktiviti tahunan Universiti Malaysia Sabah selain daripada Pesta Angpau dan Pesta Cahaya. Penganjuran program seperti ini, sememangnya digalakkan kepada mahasiswa mahasiswi untuk melibatkan diri dalam aktiviti ko-kurikulum serta membantu pembinaan insan agar ia seimbang dengan ilmu akademik yang harus dikejar.

Seiring penganjuran program ini juga, ia mampu untuk mengeratkan ikatan silaturahim serta mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan mahasiswa mahasiswi yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam menjayakan sesuatu program. Seperti yang kita dapat lihat pada malam ini, ahli jawatankuasa pelaksana Pesta Kamaatan Peringkat IPTA/IPTS kali ini terdiri daripada kaum seperti Melayu, India dan Cina serta etnik negeri Sabah itu sendiri. Ini membuktikan bahawa, kepelbagaian bangsa mampu mewarnai budaya sejajar dengan tema Pesta Kaamatan kali ini iaitu "Kepelbagaian Bangsa Mewarnai Budaya".

Harapan saya agar penglibatan mahasiswa mahasiswi yang berbilang kaum dalam sesuatu program dapat diteruskan oleh pelapis generasi yang akan datang. Ini akan menjamin keharmonian dalam sesebuah universiti yang mempunyai pelajar yang datangnya dari pelbagai kaum dan tempat. Di samping itu juga, penglibatan seumpama ini menjadi satu medan untuk para pelajar bertukar-tukar buah fikiran serta mempelajari budaya masing-masing dari pelbagai tempat.

Akhir kata dari saya, semoga peluang yang diberikan kepada mahasiswa mahasiswi dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dalam membentuk sahsia rupa diri yang berketerampilan tinggi serta berdaya saing untuk menjadi seorang graduan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sekian dan terima kasih.

*Yg Bhg Leftenan Kolonel Professor Datuk Dr Hj Kamarulzaman Hj Ampon  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sabah*